

**PENDEKATAN KEBAJIKAN PRODUKTIF DI
KALANGAN USAHAWAN KEBAJIKAN DI
KEDAH: SATU PENILAIAN**

KHAIRUL AMRI BIN AHMAD

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2015

**PENDEKATAN KEBAJIKAN PRODUKTIF DI
KALANGAN USAHAWAN KEBAJIKAN DI KEDAH:
SATU PENILAIAN**

oleh

KHAIRUL AMRI BIN AHMAD

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana**

OKTOBER 2015

PENGHARGAAN

Ahamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah, kurnia dan taufik-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini. Semasa menjalankan penyelidikan ini, saya telah mendapat bantuan dan kerjasama yang tidak ternilai dari pelbagai pihak. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan. Budi mereka yang sangat mulia itu hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya Profesor Madya Dr. Azlinda Azman, yang memberi banyak tunjuk ajar, bimbingan, motivasi dan menyumbangkan idea sejak dari peringkat menyediakan cadangan penyelidikan hinggalah ke peringkat tesis ini disempurnakan. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Profesor Madya Dr. Nor Malina Malek, Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM di atas segala keprihatinan dan sokongan moral yang telah diberikan. Ucapan terima kasih juga kepada semua pensyarah dan kakitangan kerana sentiasa bermurah hati menghulurkan bantuan dan kemudahan kepada saya di sepanjang tempoh pengajian. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada Bahagian Kebajikan Produktif, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dalam memberikan maklumat berkaitan Pendekatan Kebajikan Produktif. Ucapan terima kasih juga kepada semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dan kakitangan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah kerana telah memberikan segala kerjasama semasa saya menjalankan penyelidikan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada kakitangan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dalam menyalurkan maklumat berkaitan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih kepada rakan-rakan di USM terutamanya Paramjit Singh Jamir Singh dan

Mohd Taufik bin Mohammad yang telah banyak membantu saya dari segi idea dan teknikal. Akhir sekali, ucapan penghargaan dan terima kasih yang teristimewa kepada Ayahanda Allahyarham Haji Ahmad bin Haji Salleh dan Ibunda Allahyarham Hajah Siti binti Nong Ishak kerana memelihara dan mendidik saya dengan kasih sayang dan keikhlasan. Terima kasih juga kepada seluruh keluarga saya yang banyak memberikan dorongan, dan untuk isteri tercinta Fazliyanee binti Pakhuruddin dan penyejuk mata anak-anak di atas sokongan dan bantuan yang berharga serta kesabaran semasa saya menjalankan penyelidikan ini.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
ABSTRAK	xix
ABSTRACT.....	xxi
BAB SATU - PENGENALAN.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah	8
1.3 Persoalan Kajian.....	13
1.4 Objektif Kajian.....	14
1.5 Hipotesis Kajian	15
1.6 Signifikan Kajian	16
1.7 Skop Kajian.....	18
BAB DUA - SOROTAN KARYA	20
2.1 Apa itu Kebajikan Produktif?.....	20
2.2 Pendekatan Kebajikan Produktif di Malaysia	21
2.3 Faedah Kebajikan Produktif.....	26
2.4 Limitasi Pendekatan Kebajikan Produktif	29
2.5 Implikasi Pendekatan Kebajikan Produktif.....	32
2.6 Pendekatan Kebajikan Produktif di Negara Lain.....	33

2.7	Kerangka Teoritikal Kajian.....	35
2.7.1	Teori Ekologikal	35
2.7.2	Teori Pemerdayaan (Empowerment)	35
2.7.3	Teori Sistem.....	37
2.7.4	Teori Pembelajaran Sosial	39
2.8	Model Pembangunan Usahawan di Malaysia	43
2.9	Pendekatan Kebajikan Produktif dan Praktis Kerja Sosial	45
	BAB TIGA - METODOLOGI PENYELIDIKAN	47
3.1	Pendahuluan	47
3.2	Kaedah Kajian.....	47
3.2.1	Kaedah Kuantitatif.....	47
3.2.2	Kaedah Kualitatif.....	48
3.3	Populasi dan Persampelan.....	49
3.4	Sumber Data.....	51
3.5	Instrumen Kajian.....	52
3.5.1	Bahagian A: Latar Belakang Responden.....	53
3.5.2	Bahagian B: Pendekatan Kebajikan Produktif	54
3.5.3	Bahagian C: Masalah.....	54
3.5.4	Bahagian D: Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan	55
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen.....	57
3.7	Pembolehubah Kajian	62
3.8	Definisi Konsep.....	63
3.8.1	Pendekatan Kebajikan Produktif	63
3.8.2	Masalah.....	63
3.8.3	Faktor Dalaman	64

3.8.4	Faktor Organisasi.....	64
3.8.5	Faktor Luaran	65
3.8.6	Prestasi Usahawan Kebajikan.....	65
3.9	Analisis Data	65
3.9.1	Analisis Kuantitatif.....	66
3.9.2	Analisis Kualitatif.....	67
3.9.2.1	Transkripsi	68
3.9.2.2	Organisasi Data	68
3.9.2.3	Pelaziman Data.....	68
3.9.2.4	Koding.....	69
3.9.2.5	Mengenal pasti Tema	69
3.9.2.6	Mengkaji Tema	70
3.9.2.7	Menakrif dan Menamakan Semula Tema	70
3.10	Kajian Rintis	70
3.10.1	Hasil Kajian Rintis	71
3.10.1.1	Penemuan Hasil Kajian Kuantitatif.....	71
3.10.1.2	Penemuan Hasil Kajian Kualitatif.....	72
3.11	Etika Penyelidikan	72
3.11.1	Meminta Kebenaran	73
3.11.2	Bahasa.....	73
3.11.3	Perasaan Responden	73
3.11.4	Etika Dalam Semua Peringkat Kajian	74
3.11.5	Tahap Pendidikan Responden	74
3.11.6	Bersifat Terus Terang Dengan Responden.....	74
3.11.7	Mengutarakan Data Dengan Tepat	75

3.11.8 Menjaga Kerahsiaan Responden	75
3.11.9 Menjaga Keselamatan Responden.....	75
BAB EMPAT - DAPATAN KAJIAN.....	76
4.1 Pendahuluan	76
4.2 Analisis Kuantitatif	76
4.2.1 Analisis Latar Belakang Demografi Responden	76
4.2.1.1 Analisis Frekuensi Taburan Responden Mengikut Daerah.....	77
4.2.1.2 Analisis Frekuensi Taburan Umur	78
4.2.1.3 Analisis Frekuensi Taburan Jantina	78
4.2.1.4 Analisis Frekuensi Taburan Etnik.....	78
4.2.1.5 Analisis Frekuensi Tahap Pendidikan.....	79
4.2.1.6 Analisis Frekuensi Jenis Pekerjaan	79
4.2.1.7 Analisis Frekuensi Pendapatan	80
4.2.1.8 Analisis Frekuensi Bantuan Kebajikan Produktif	81
4.2.2 Analisis Hipotesis Kajian	82
4.2.3 Hipotesis 1: Pendekatan Kebajikan Produktif Tidak Mempengaruhi Peningkatan Prestasi Usahawan Kebajikan.	83
4.2.3.1 Analisis Korelasi	83
4.2.3.2 Analisis <i>Paired Mean Test</i>	83
4.2.4 Hipotesis 2: Tiada Perhubungan Yang Signifikan Di Antara Masalah Dengan Prestasi Usahawan Kebajikan.....	84
4.2.4.1 Analisis Korelasi	84
4.2.4.2 Analisis Skor Min	85
4.2.5 Hipotesis 3: Tiada Perhubungan Yang Signifikan Di Antara Faktor Dalam Dengan Prestasi Usahawan Kebajikan	86

4.2.5.1	Analisis Korelasi	86
4.2.5.2	Analisis Skor Min	87
4.2.6	Hipotesis 4: Tiada Perhubungan Yang Signifikan Di Antara Faktor Organisasi Dengan Prestasi Usahawan Kebajikan.....	88
4.2.6.1	Analisis Korelasi	88
4.2.6.2	Analisis Skor Min	88
4.2.7	Hipotesis 5: Tiada Perhubungan Yang Signifikan Di Antara Faktor Luaran Dengan Prestasi Usahawan Kebajikan.....	90
4.2.7.1	Analisis Korelasi	90
4.2.7.2	Analisis Skor Min	91
4.3	Analisis Kualitatif	92
4.3.1	Latar Belakang Responden.....	93
4.3.1.1	Responden 1	93
4.3.1.2	Responden 2.....	93
4.3.1.3	Responden 3	94
4.3.1.4	Responden 4	94
4.3.1.5	Responden 5	95
4.3.2	Rumusan Latar Belakang Responden.....	95
4.3.2.1	Latar Belakang Diri Responden.....	96
4.3.2.2	Latar Belakang Pekerjaan Responden.....	97
4.3.2.3	Latar Belakang Bantuan yang Diterima Responden	97
4.3.3	Pendekatan Kebajikan Produktif	98
4.3.3.1	Responden 1	98
4.3.3.2	Responden 2.....	99
4.3.3.3	Responden 3	100

4.3.3.4	Responden 4	100
4.3.3.5	Responden 5	101
4.3.4	Rumusan Pendekatan Kebajikan Produktif	102
4.3.4.1	Impak Bantuan Kebajikan Produktif Kepada Perniagaan.....	102
4.3.4.2	Latihan dan Bimbingan	104
4.3.4.3	Prestasi Pendapatan dan Status Bantuan Bulanan JKM.....	105
4.3.5	Masalah.....	105
4.3.5.1	Responden 1	106
4.3.5.2	Responden 2	107
4.3.5.3	Responden 3	108
4.3.5.4	Responden 4	108
4.3.5.5	Responden 5	109
4.3.6	Rumusan Masalah	110
4.3.6.1	Masalah Berkaitan dengan Pendekatan Kebajikan Produktif	110
4.3.6.1	Masalah Berkaitan dengan Perniagaan	111
4.3.7	Faktor Mempengaruhi Prestasi Perniagaan	113
4.3.8	Faktor Dalaman	113
4.3.8.1	Responden 1	113
4.3.8.2	Responden 2	114
4.3.8.3	Responden 3	114
4.3.8.4	Responden 4	115
4.3.8.5	Responden 5	115
4.3.9	Rumusan Faktor Dalaman	116
4.3.10	Faktor Organisasi.....	117
4.3.10.1	Responden 1	117

4.3.10.2	Responden 2	118
4.3.10.3	Responden 3	119
4.3.10.4	Responden 4	119
4.3.10.5	Responden 5	120
4.3.11	Rumusan Faktor Organisasi	120
4.3.12	Faktor Luaran	122
4.3.12.1	Responden 1	122
4.3.12.2	Responden 2	123
4.3.12.3	Responden 3	124
4.3.12.4	Responden 4	124
4.3.12.5	Responden 5	125
4.3.13	Rumusan Faktor Luaran	126
4.3.14	Pandangan dan Cadangan.....	127
4.3.14.1	Responden 1	128
4.3.14.2	Responden 2	128
4.3.14.2	Responden 3	128
4.3.14.3	Responden 4	129
4.3.14.4	Responden 5	129
4.3.15	Rumusan Pandangan dan Cadangan.....	129
4.4	Rumusan Keseluruhan Kajian.....	130
4.4.1	Pendekatan Kebijakan Produktif dalam Meningkatkan Prestasi Perniagaan dan Pendapatan Responden.....	131
4.4.2	Menganalisis Masalah Yang Dihadapi Oleh Penerima Bantuan Dalam Melaksanakan Pendekatan Kebijakan Produktif.....	132

4.4.3	Menganalisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan	
	Penerima Bantuan Dalam Pelaksanaan Kebajikan Produktif.	133
4.4.3.1	Faktor Dalaman	133
4.4.3.2	Faktor Organisasi	134
4.4.3.3	Faktor Luaran	135
BAB LIMA - PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN		141
5.1	Pendahuluan	141
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	141
5.2.1	Perbincangan Dapatan Analisis Latar Belakang Demografi.	141
5.2.2	Perbincangan Dapatan Analisis Pendekatan Kebajikan Produktif	146
5.2.3	Perbincangan Dapatan Analisis Masalah yang Dihadapi oleh Responden Dalam Pendekatan Kebajikan Produktif	148
5.2.4	Perbincangan Dapatan Analisis Faktor Dalaman yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan dan Pendapatan Responden.....	153
5.2.5	Perbincangan Dapatan Analisis Faktor Organisasi yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan dan Pendapatan Responden.....	157
5.2.6	Perbincangan Dapatan Analisis Faktor Luaran yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan dan Pendapatan Responden.....	161
5.2.7	Perbincangan Dapatan Analisis Pandangan dan Cadangan Responden	164
5.3	Intervensi Kerja Sosial	165
5.3.1	Intervensi Peringkat Mikro	166
5.3.2	Intervensi Peringkat Meso	167
5.3.3	Intervensi Peringkat Exo	169
5.3.4	Intervensi Peringkat Makro	171
5.4	Cadangan Penambahbaikan Terhadap Pendekatan Kebajikan Produktif	172

5.5	Limitasi Kajian.....	178
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan.....	179
5.7	Kesimpulan	181
	RUJUKAN.....	184
	LAMPIRAN A.....	193
	LAMPIRAN B.....	195
	LAMPIRAN C.....	197
	LAMPIRAN D.....	198
	LAMPIRAN E.....	206
	LAMPIRAN F.....	209
	LAMPIRAN G.....	210

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 1	Skim Bantuan Bulanan JKM Mengikut Kumpulan Produktif dan Tidak Produktif Tahun 2011.	7
Jadual 2	Jumlah Penerima Bantuan Bulanan JKM Mengikut Tahun (Dari 2009 hingga 2012)	8
Jadual 3	Jumlah Penerima Bantuan Bulanan JKMN Kedah Mengikut Tahun (Dari 2009 hingga 2012)	9
Jadual 4	Bilangan Klien JKM Yang Terlibat Dalam Pendekatan Kebajikan Produktif (Dari Tahun 2009 hingga 2012)	9
Jadual 5	Bilangan Klien Yang Terlibat Dalam Pendekatan Kebajikan Produktif di Kedah (Dari Tahun 2009 hingga 2012)	10
Jadual 6	Pendekatan Kebajikan Produktif	54
Jadual 7	Masalah	55
Jadual 8	Faktor Dalaman	56
Jadual 9	Faktor Organisasi	56
Jadual 10	Faktor Luaran	57
Jadual 11	Alpha Cronbach	58
Jadual 12	Skor Alpha Cronbach Pendekatan Kebajikan Produktif	59
Jadual 13	Skor Alpha Cronbach Masalah	59
Jadual 14	Skor Alpha Cronbach Faktor Dalaman	60
Jadual 15	Skor Alpha Cronbach Faktor Organisasi	60
Jadual 16	Skor Alpha Cronbach Faktor Luaran	61
Jadual 17	Jadual Analisis Kuantitatif	66

Jadual 18	Taburan Responden Mengikut Daerah	77
Jadual 19	Taburan Umur	78
Jadual 20	Taburan Jantina	78
Jadual 21	Taburan Etnik	79
Jadual 22	Tahap Pendidikan	79
Jadual 23	Frekuensi Jenis Pekerjaan	80
Jadual 24	Frekuensi Pendapatan	81
Jadual 25	Purata Pendapatan	81
Jadual 26	Frekuensi Bantuan Kebajikan Produktif	81
Jadual 27	Kategori Jumlah Bantuan	82
Jadual 28	Analisis Korelasi Pendekatan Kebajikan Produktif Dengan Pendapatan	83
Jadual 29	Ujian <i>Paired Mean Test</i>	84
Jadual 30	Ujian Perbezaan Purata Skor Pendapatan	84
Jadual 31	Ujian Korelasi Masalah Dengan Pendapatan Bulanan	85
Jadual 32	Ujian Purata Skor Masalah	86
Jadual 33	Senarai Purata Skor Masalah Mengikut Turutan	86
Jadual 34	Ujian Korelasi Antara Faktor Dalam Dengan Pendapatan Bulanan	87
Jadual 35	Ujian Skor Min Bagi Faktor Dalam	87
Jadual 36	Ujian Korelasi Faktor Organisasi Dengan Pendapatan Bulanan	88
Jadual 37	Ujian Skor Min Faktor Organisasi	89
Jadual 38	Senarai Purata Skor Faktor Organisasi Mengikut Turutan	89
Jadual 39	Ujian Korelasi Antara Latar Belakang Pendidikan	90

	Dengan Pendapatan	
Jadual 40	Ujian Korelasi Faktor Luaran Dengan Pendapatan Bulanan	91
Jadual 41	Ujian Skor Min Faktor Luaran	91
Jadual 42	Senarai Purata Skor Faktor Luaran Mengikut Turutan	92
Jadual 43	Latar Belakang Diri Responden	96
Jadual 44	Latar Belakang Pekerjaan Responden	97
Jadual 45	Latar Belakang Bantuan Yang Diterima Responden	98
Jadual 46	Impak Bantuan Kebajikan Produktif Kepada Perniagaan	103
Jadual 47	Latihan dan Bimbingan	104
Jadual 48	Prestasi Pendapatan Dan Status Bantuan Bulanan JKM	105
Jadual 49	Masalah Berkaitan Dengan Pendekatan Kebajikan Produktif	111
Jadual 50(A)	Masalah Berkaitan Dengan Perniagaan	112
Jadual 50(B)	Masalah Berkaitan Dengan Perniagaan	112
Jadual 51	Faktor Dalaman	117
Jadual 52	Faktor Organisasi	122
Jadual 53	Faktor Luaran	127
Jadual 54	Pandangan dan Cadangan	130
Jadual 55	Rumusan Dapatan Kajian	136

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 1	Model Pendekatan Kebajikan Produktif di Malaysia	24
Rajah 2	Model Analisis SWOT	26
Rajah 3	Kerangka Teoritikal Kajian	41
Rajah 4	Model Pembangunan Usahawan di Malaysia	43
Rajah 5	Pembolehubah Kajian	62
Rajah 6	Masalah Yang Mempengaruhi Pendapatan Responden	132
Rajah 7	Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan Responden	133
Rajah 8	Faktor Organisasi Yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan Responden	134
Rajah 9	Faktor Luaran Yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan Responden	135
Rajah 10	Model Pembangunan Usahawan Kebajikan	177

SENARAI LAMPIRAN

	Muka Surat
Lampiran A Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan	193
Lampiran B Surat Jaminan Kajian Kepada Responden	195
Lampiran C Borang Persetujuan Responden	197
Lampiran D Borang Soalselidik Kuantitatif	198
Lampiran E Panduan Soalan Kualitatif	205
Lampiran F Gambar Bersama Responden Usahawan	208
Kebajikan Yang Berjaya	

SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
BGP	Bantuan Geran Pelancaran
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
GTP	<i>Government Transformation Plan</i>
ICU	<i>Implementation Coordination Unit</i>
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKMN	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
LIH	<i>Low Income Household</i>
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MEB	Model Ekonomi Baru
NKRA	<i>National Key Result Area</i>
PGK	Paras Garis Kemiskinan
UNDP	<i>United Nations Development Programme</i>
EPU	<i>Economic Planning Unit</i>

PENDEKATAN KEBAJIKAN PRODUKTIF DI KALANGAN USAHAWAN
KEBAJIKAN DI KEDAH: SATU PENILAIAN

ABSTRAK

Pendekatan kebajikan produktif telah mula diperkenalkan di Malaysia semenjak tahun 2009 sebagai salah satu *exit policy* kepada situasi pergantungan klien kepada bantuan kewangan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Matlamat utama pendekatan ini adalah untuk mengurangkan kebergantungan klien kepada bantuan bulanan. Salah satu program yang dilaksanakan adalah menyediakan bantuan modal perniagaan kepada penerima bantuan untuk memulakan perniagaan. Walau bagaimanapun selepas empat tahun pelaksanaan, pendekatan ini masih belum menampakkan hasil seperti yang diharapkan dan penerima bantuan bulanan terus bertambah. Situasi ini menyebabkan implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan. Sehubungan itu, kajian ini akan memberi fokus kepada tiga objektif utama iaitu: pertamanya untuk mengenalpasti sejauh mana prestasi pendekatan kebajikan produktif dengan menjadikan negeri Kedah sebagai lokasi kajian kes; kedua untuk menganalisis masalah yang dihadapi oleh usahawan kebajikan; ketiga, menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan kebajikan yang boleh dijadikan sebagai panduan. Kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif melalui tinjauan dan disokong dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui temuduga secara mendalam. Hasil kajian mendapati pendekatan ini memberi kesan yang positif terhadap peningkatan prestasi perniagaan dan pendapatan klien. Walau bagaimanapun masih terdapat ramai klien yang belum berjaya dalam perniagaan yang diceburi, tidak dapat keluar dari kitaran kemiskinan. Hasil kajian juga menunjukkan sebilangan besar klien yang terlibat dengan pendekatan kebajikan produktif, mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang masih kurang mengenai

bidang perniagaan yang mereka pilih. Sehubungan itu, dicadangkan agar pendekatan yang menyeluruh meliputi program penilaian, latihan dan motivasi yang komprehensif diberikan kepada klien sebelum disalurkan bantuan modal perniagaan. Selain itu, intervensi dengan menggunakan praktis kerja sosial yang berkesan perlu dilaksanakan oleh pekerja sosial untuk mencapai objektif pendekatan kebajikan produktif.

**PRODUCTIVE WELFARE APPROACH AMONGST THE WELFARE
ENTREPRENEUR IN KEDAH: AN ASSESSMENT**

ABSTRACT

The “Productive Welfare Approach” introduced in Malaysia in 2009 is a form of an exit policy for the poor citizens who depend on the monthly financial assistance of the Department of Social Welfare, Malaysia (JKM). The ultimate aim of this approach is to reduce the amount of monthly financial assistance beneficiaries. One approach is to provide a capital to the welfare entrepreneur to start a business. However, after four years, the monthly financial assistance beneficiaries still increase in number. It has instead caused more financial implications to the government. This study therefore focuses on the following thresholds: First, to examine the outcomes of the “productive welfare approach” programme using the Kedah state as a case study; second, to analyze the problems of the approach; third, to analyze factors of the successful clients for possible good lessons to be learnt. The study employs both the quantitative research method through a survey and was supported by a qualitative research method through in-depth interviews. The study findings showed that this approach had a positive effect on business performance and increased client revenues. However there were still many clients who did not succeed in the business that they chose to venture, unable to come out from the poverty cycle. It was found that a big number of clients involved in this productive welfare approach had little knowledge and skills about the field of business they chose. Therefore, this study recommends a comprehensive approach that includes assessment, training and motivation given to the clients before a capital is provided to them for a starting a business. Intervention using social work practice is crucial in order to achieve the desired objective of the productive welfare approach.

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Usaha menangani kemiskinan di Malaysia bermula semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) dan diteruskan dengan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000). Asas Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) adalah pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat untuk memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum dan dengan ini akan menyumbangkan ke arah mengukuhkan perpaduan negara. DPN digubal berteraskan Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 (Institut Tadbiran Awam Negara, 1994).

Dalam tempoh 30 tahun, kadar kemiskinan telah berjaya diturunkan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 5.3% pada tahun 2000 (Amin & Mohd Salim, 2003), dan dapat dikurangkan kepada 2.8% pada tahun 2010 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2011). Pada tahun 2010 fokus kerajaan adalah kepada isu kemiskinan tegar iaitu mereka yang menerima pendapatan kurang dari RM440 sebulan (Idris & Selvaratnam, 2012). Pada tahun 2012, Unit Perancang Ekonomi Negara telah menyemak semula definisi kadar pendapatan garis kemiskinan (PGK) bagi Semenanjung Malaysia iaitu kurang dari RM830 adalah miskin manakala kurang dari RM520 adalah miskin tegar. Mudah miskin pula merujuk kepada pendapatan melebihi PGK tetapi di bawah RM1,500 bagi bandar dan di bawah RM1,000 bagi luar bandar. Isi rumah berpendapatan rendah (LIH) pula merujuk kepada pendapatan di bawah RM2,300. Kadar kemiskinan juga telah menurun kepada 1.7% pada tahun 2012. (Unit Perancang Ekonomi Negara, 2013).

Walaupun peratus kemiskinan di negara ini telah menurun, usaha dan perancangan perlulah dilaksanakan untuk memastikan hasrat kerajaan mencapai kemiskinan sifar menjelang tahun 2020 terlaksana dengan jayanya. Pihak kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan telah melaksanakan pelbagai perancangan dan program untuk tujuan pembasmian kemiskinan. Berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan untuk memastikan hasrat dan tujuan untuk membebaskan masyarakatnya daripada belenggu kemiskinan tercapai (Sabran, 2003). Walaupun situasi kemiskinan di negara ini telah menurun, bilangan golongan miskin yang bergantung kepada bantuan JKM masih lagi tinggi. Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bahawa penerima bantuan bulanan JKM adalah meningkat dari tahun ke tahun dan secara tidak langsung ianya membabitkan implikasi kewangan yang besar dalam perbelanjaan pada setiap tahun (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011).

Ini merupakan cabaran utama yang perlu dipikul oleh kerajaan Malaysia. Sehubungan itu YAB Perdana Menteri telah memperkenalkan Konsep 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan sebagai satu usaha untuk menjadikan Malaysia lebih berdaya maju, produktif dan berdaya saing. Selain itu, kerajaan juga telah memperkenalkan Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Model Ekonomi Baru (MEB) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang turut memangkin usaha membangunkan negara ke arah sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dan dalam masa yang sama memastikan kemakmuran, kesejahteraan dan keharmonian antara rakyat terus dikekalkan (Kasan, 2010).

Salah satu pendekatan di dalam GTP adalah memperkenalkan enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan salah satu daripadanya adalah Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isirumah Berpendapatan Rendah yang bertujuan

untuk memperkasakan isirumah berpendapatan rendah demi meningkatkan kedudukan sosial dan mewujudkan lebih banyak punca pendapatan. Selain mendefinisikan dan mengenalpasti kumpulan berpendapatan rendah, NKRA ini juga bertujuan untuk mewujudkan satu sistem jangka masa panjang untuk mewujudkan peluang bagi golongan yang kurang kemampuan. Ini akan dilakukan dengan mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan asas, mencari peluang perniagaan dan pemberian bantuan kebajikan yang boleh meningkatkan produktiviti (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2011).

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah diberi peranan penting di dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui program meningkatkan pendapatan isi rumah (LIH). Antara agensi pelaksana yang memainkan peranan utama adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Misi utama JKJ adalah membangunkan masyarakat ke arah kesejahteraan sosial manakala objektif JKJ yang ke dua adalah membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk berdikari (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2008).

Secara prinsipnya, di dalam melaksanakan pemberian bantuan kepada rakyat, Kerajaan Malaysia tidak sesekali mengamalkan konsep negara kebajikan (welfare state). Skim bantuan kebajikan yang diwujudkan adalah sebagai alat dalam proses menolong penerima bantuan ke arah pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian yang merupakan kaedah dalam pengurusan kerja sosial. Proses pemberian bantuan kebajikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2009).

Sehubungan itu, salah satu perkhidmatan yang disalurkan oleh JKM untuk untuk mencapai objektif NKRA dan objektif JKM adalah melalui pendekatan kebajikan produktif (productive welfare) yang telah diperkenalkan pada tahun 2009 dan mula dilaksanakan pada tahun 2010. Menurut Kuhnle (2002) kebajikan produktif boleh digambarkan sebagai satu usaha untuk mengembangkan dan menjamin hak-hak demokratik dan sosial asas semua rakyat. Chung (2004) pula menyatakan bahawa kebajikan produktif boleh ditakrifkan sebagai polisi kebajikan yang aktif mensasarkan peningkatan produktiviti sosial melalui penciptaan nilai ekonomi, berdasarkan asas yang memacu ke arah kesaksamaan. Pendekatan ini perlu dilaksanakan bagi mengurangkan sindrom kebergantungan masyarakat kepada bantuan kerajaan semata-mata, di samping untuk mencapai matlamat JKM ke arah menjadikan perkhidmatan bantuan untuk tempoh tidak melebihi dua tahun (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). Menurut Hudson & Kuhner (2012), Malaysia merupakan sebuah negara yang telah melaksanakan pendekatan kebajikan produktif berdasarkan penilaian dari tahun 2005-2008 tetapi tahap produktif tersebut masih lagi rendah.

Kebajikan produktif ialah suatu pendekatan yang bertujuan untuk membantu klien ke arah hidup berdikari dan *survival*, supaya tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya dengan memperkasakan klien bagi meneruskan kehidupannya sendiri serta menggiatkan program-program ke arah pembangunan modal insan. Pendekatan ini mengambil kira aspek meningkatkan motivasi klien supaya bersedia untuk bekerja selepas memperolehi latihan kemahiran yang sesuai dengan keupayaannya. Penglibatan klien dalam pekerjaan adalah secara berterusan bagi memastikan klien tidak kembali kepada bantuan kebajikan untuk saraan hidup

(Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). Usahawan kebajikan yang memenuhi kriteria seperti tujuan pendekatan ini boleh dianggap sebagai telah berjaya.

Pendekatan kebajikan produktif ini mengambil kira aspek motivasi klien, latihan kemahiran yang sesuai dengan keupayaannya, penglibatan klien dalam pekerjaan adalah secara berterusan dan klien tidak kembali kepada bantuan kebajikan untuk saraan hidup. Melalui pendekatan kebajikan produktif ini juga, terdapat beberapa program bantuan yang dilaksanakan iaitu Bantuan 1AZAM dan Bantuan Geran Pelancaran. Bantuan ini disalurkan kepada golongan yang dikategorikan memerlukan bantuan, tetapi masih berupaya bekerja (produktif) akan diberikan suntikan modal permulaan untuk memulakan perniagaan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011).

Program 1AZAM ini adalah penjenamaan baru bagi Program Peningkatan Pendapatan. Program 1AZAM diperkenalkan bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan rakyat Malaysia miskin tegar dan miskin, menambah pendapatan sehingga melebihi had garis kemiskinan yang ditetapkan iaitu RM760 sebulan bagi miskin dan di bawah RM2300 sebulan bagi golongan berpendapatan rendah. (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2012).

Berdasarkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2012), terdapat 4 jenis AZAM iaitu AZAM Kerja, AZAM Niaga, AZAM Khidmat dan AZAM Tani seperti berikut:-

- **AZAM Kerja** – Peluang menjana pendapatan melalui penempatan kerja.

Program memberikan fokus kepada pelbagai bidang pekerjaan bagi mereka yang produktif, mempunyai kelayakan minimum atau tanpa kemahiran. Latihan kemahiran disediakan. Contohnya seperti jurujual produk, pekerja restoran makanan segera, pelayan restoran dan sebagainya.

- **AZAM Niaga** – Peluang menjana pendapatan melalui perniagaan kecil-kecilan dengan kemudahan latihan dan kredit mikro. Contohnya perniagaan makanan dan minuman, kiosks perniagaan runcit, industri kraftangan dan sebagainya.
- **AZAM Khidmat** – Peluang menjana pendapatan melalui bidang perkhidmatan seperti rawatan penjagaan diri, andaman pengantin, spa dan refleksologi.
- **AZAM Tani** – Peluang menjana pendapatan melalui kegiatan berasaskan pertanian. Antara projek yang dikenalpasti ialah pertanian berkelompok, tanaman yang mempunyai pulangan yang cepat, ternakan dan projek hiliran hasil pertanian.

Bagi program 1AZAM yang melibatkan melibatkan AZAM Niaga dan AZAM Khidmat telah diwujudkan pula pakej Teman 1AZAM iaitu pakej bantuan peralatan perniagaan. Program Bantuan Geran Pelancaran pula adalah bantuan modal dari JKM untuk penerima bantuan memulakan atau membesarkan perniagaan supaya dapat meningkatkan pendapatan seterusnya tidak bergantung kepada bantuan bulanan JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011).

Klien JKM terdiri daripada dua kumpulan iaitu produktif dan tidak produktif. Produktif ialah klien yang sihat tubuh badan, tidak mempunyai penyakit kronik, berusia di antara 18 - 60 tahun. Tidak produktif pula ialah klien yang berpenyakit kronik, tidak berupaya untuk melakukan pekerjaan pada waktu biasa, berumur 61 tahun ke atas (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). Pecahan penerima bantuan produktif dan tidak produktif adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Skim Bantuan Bulanan JKM Mengikut Kumpulan Produktif dan Tidak Produktif Tahun 2011.

Kumpulan	Skim	Bil. Kes	Jumlah RM
Produktif	Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	98,848	315,752,198
	Bantuan Anak Pelihara (BAP)	162	544,900
	Elaun Pekerja Cacat (EPC)	53,063	175,696,800
	Bantuan Am (BA)	115,934	242,413,756
	Bantuan Latihan Perantis (BLP)	301	284,700
	Jumlah	268,308	734,692,354
Tidak Produktif	Bantuan Orang Tua (BOT)	135,217	477,844,100
	Bantuan Penjaga OKU/Pesakit Terlantar (BPT)	27,882	93,739,500
	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	25,385	38,068,800
	Jumlah	188,484	609,652,400
	Jumlah Keseluruhan	456,792	1,344,344,754

Nota: Sumber diperolehi dari laporan statistik JKM Tahun 2011.

Pendekatan kebajikan produktif lebih menumpukan kepada klien yang produktif atau isi rumah bagi klien yang tidak produktif dengan sasaran golongan ini dapat mengurangkan peratusan kebergantungan klien kepada bantuan bulanan JKM sebanyak 2.5% setahun.

1.2 Pernyataan Masalah

Konsep bantuan kebajikan adalah bersifat sementara dan saraan hidup bagi membantu individu/keluarga di kalangan produktif dan tidak produktif yang tidak mampu dan berkeperluan, sehingga dapat dipulihkan untuk hidup berdikari atau meneruskan kehidupan yang lebih berkualiti (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2009). JKM juga telah memperkenalkan pendekatan kebajikan produktif pada tahun 2009 sebagai *exit policy*. Melalui pendekatan ini Bantuan 1AZAM dan Bantuan Geran Pelancaran diberikan kepada klien yang produktif dengan harapan penerima bantuan boleh berdikari dan tidak lagi bergantung kepada bantuan bulanan.

JKM mensasarkan melalui pendekatan kebajikan produktif ini akan dapat menggalakkan penyertaan dari penerima bantuan bulanan yang produktif dan akan menyumbang kepada sasaran mengurangkan peratusan pergantungan klien bantuan kerajaan sebanyak 2.5% setahun (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). Walau bagaimanapun, laporan statistik JKM menunjukkan bahawa penerima bantuan bulanan JKM adalah meningkat dari tahun 2009 hingga 2012 dan ianya tidak selari dengan kadar penurunan peratusan kemiskinan di Malaysia. Senario peningkatan jumlah bilangan penerima bantuan ini telah membabitkan implikasi kewangan yang besar dalam perbelanjaan pada setiap tahun seperti di Jadual 2.

*Jadual 2: Jumlah Penerima Bantuan Bulanan JKM Mengikut Tahun
(Dari 2009 hingga 2012)*

TAHUN	JUMLAH KES	JUMLAH RM
2009	331,611	746,306,426
2010	412,530	1,186,276,193
2011	456,792	1,344,344,754
2012	514,066	1,472,064,853

Nota: Sumber diperolehi dari Laporan Statistik JKM Tahun 2012.

Berdasarkan laporan statistik JKM juga didapati, jumlah penerima bantuan di Kedah juga meningkat dari tahun 2009 hingga 2012 seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Jumlah Penerima Bantuan Bulanan JKMN Kedah Mengikut Tahun (Dari 2009 hingga 2012)

TAHUN	JUMLAH KES	JUMLAH RM
2009	30,694	70,545,635
2010	42,033	115,718,093
2011	43,090	127,113,989
2012	44,908	131,177,009

Nota: Sumber diperolehi dari Laporan Statistik JKM Tahun 2012.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Sosioekonomi dan Bantuan, JKM, didapati terdapat sejumlah 7,364 orang penerima bantuan bulanan yang produktif terlibat di dalam pendekatan kebajikan produktif yang merangkumi Bantuan Geran Pelancaran (BGP) dan Bantuan Teman 1AZAM seperti di Jadual 4.

Jadual 4: Bilangan Klien JKM Yang Terlibat Dalam Pendekatan Kebajikan Produktif (Dari Tahun 2009 hingga 2012)

Tahun / Program	2009	2010	2011	2012	Jumlah
BGP	598	643	430	1,021	2,692
Teman 1Azam	-	-	4,672	-	4,672
Jumlah	598	643	5,102	1,021	7,364

Nota: 1) Jumlah penerima BGP diperolehi dari laporan statistik JKM 2012.

2) Jumlah penerima Bantuan Teman 1AZAM diperolehi dari Bahagian Kebajikan Produktif JKM.

Kedah merupakan antara negeri yang mempunyai penyertaan paling ramai di dalam pendekatan kebajikan produktif iaitu seramai 851 orang dengan pecahan seperti di Jadual 5.

Jadual 5: Bilangan Klien Yang Terlibat Di Dalam Pendekatan Kebajikan Produktif di Kedah (Dari Tahun 2009 hingga 2012)

Tahun / Program	2009	2010	2011	2012	Jumlah
BGP	90	97	25	37	249
Teman 1Azam	-	-	602	-	602
Jumlah	90	97	627	37	851

Sumber: 1) Jumlah penerima BGP diperolehi dari laporan statistik JKM 2012.

2) Jumlah penerima Bantuan 1Azam diperolehi dari Bahagian sosioekonomi dan Bantuan JKM.

Walau bagaimanapun, semenjak pendekatan kebajikan produktif ini diperkenalkan pada tahun 2009, tiada kajian khusus dijalankan untuk melihat prestasi pendekatan ini samada ianya mencapai sasaran untuk mengurangkan kebergantungan bantuan bulanan JKM sebanyak 2.5% setahun. Berdasarkan buku yang diterbitkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bertajuk 33 Kisah Kejayaan *Productive Welfare* 2012, hanya 33 projek keusahawanan sahaja dan 6 daripadanya di negeri Kedah dikenalpasti yang telah berjaya. Bilangan 33 projek ini masih belum mencapai sasaran yang diharapkan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperkenalkan Panduan Pengurusan Kebajikan Produktif - 1AZAM pada Januari 2011 dan memasukkan elemen pembangunan modal insan di dalam proses kerja seperti mengenalpasti pengetahuan, kemahiran, sesi perubahan sikap dan latihan. Walau bagaimanapun belum ada kajian atau penilaian dibuat untuk mengenalpasti sejauh mana keberkesanan program pembangunan modal insan yang telah dilaksanakan oleh JKM dalam usaha meningkatkan produktiviti klien (S. Abd Ghafur, komunikasi peribadi, Februari 4, 2013). Walaupun Malaysia merupakan sebuah negara yang telah melaksanakan

pendekatan kebajikan produktif berdasarkan penilaian dari tahun 2005-2008, akan tetapi tahap produktif tersebut dilihat masih lagi rendah (Hudson & Kuhner 2012).

Menurut Idris dan Selvaratnam (2012) di dalam kajian berkaitan Program Pembasmian Kemiskinan Dalam Kalangan Ibu Tunggal: Analisis Penyertaan Dan Keberkesanan, terdapat lima masalah utama yang dihadapi oleh usahawan untuk mencapai objektif program secara optimum iaitu jarak tempat program, kesesuaian program, maklumat program, pengendalian program dan pengurusan keluarga. Walau bagaimanapun hasil kajian ini tidak merangkumi aspek pembangunan modal insan secara menyeluruh sebagai satu keperluan yang sangat penting seperti pengetahuan, motivasi, perubahan sikap, pembangunan kemahiran dan latihan yang boleh membantu meningkatkan keupayaan usahawan.

Hoe, Md Isa, Wei Hin, Hashim, Mohd Yunus dan Abdullah (2012) pula menyatakan bahawa terdapat tiga faktor utama yang boleh mempengaruhi kejayaan usahawan iaitu faktor dalaman seperti faktor individu dan faktor keluarga, keduanya faktor organisasi seperti kemahiran mengurus dan kemahiran pemasaran, ketiganya faktor luaran seperti peluang dan persaingan. Faktor pertama dan faktor kedua adalah menfokuskan kepada pembangunan modal insan. Walau bagaimanapun kajian ini dibuat terhadap usahawan wanita yang telah menjadi jutawan. Faktor ini mungkin berbeza sekiranya kajian dibuat terhadap golongan usahawan kebajikan yang mempunyai demografi, sosiekonomi dan tahap pendidikan yang berbeza.

Menurut Ismail (1996), modal manusia atau modal insan ditakrifkan sebagai ciri-ciri yang dimiliki oleh pekerja yang menyebabkan mereka lebih produktif. Modal ini tidak boleh dipindahkan daripada seorang individu kepada individu yang lain tetapi individu perlu melabur untuk mendapatkannya. Ia dibentuk atau dipupuk melalui pelaburan terhadap pendidikan, latihan sebelum bekerja, latihan semasa

bekerja, kesihatan, penghijrahan dan usaha mencari maklumat yang dapat meningkatkan taraf hidup seseorang.

Menurut Hoe et al., (2012) disebabkan oleh kurangnya pengetahuan mengenai bidang perniagaan yang diceburi oleh usahawan menyebabkan mereka tidak dapat mengembangkan perniagaan ke suatu tahap yang lebih baik. Menurut Dhesi (1979) di dalam Jurnal Al-Tamaddun yang ditulis oleh Hamat dan Che Nordin (2012) menyatakan bahawa penguasaan ilmu amat penting dalam pembangunan modal insan, timbul istilah ilmu pengetahuan adalah enjin pengeluaran yang paling berkuasa (*knowledge is our most powerful engine of production*). Sekiranya usahawan kebajikan diberikan bantuan modal tanpa mengetahui tahap pengetahuan mereka, risiko kegagalan adalah tinggi untuk ditanggung oleh usahawan kebajikan dan JKM.

Menurut Abd Rahman (2011) sikap optimis mempunyai hubungan dengan kejayaan sesuatu perniagaan. Usahawan kebajikan yang dikenali pasti hendaklah memiliki kesesuaian dan bersikap optimis terhadap perniagaan yang diceburi dan bersedia untuk mencuba kaedah terkini dan seumpamanya. Ini kerana kesediaan dan keterbukaan mereka dan sentiasa bersikap positif dan optimis akan membantu kejayaan mereka. Hanya usahawan kebajikan yang mempunyai sikap positif sahaja sesuai untuk diberikan bantuan modal perniagaan. Sebaliknya mereka yang tidak mempunyai sikap sebegitu perlu diberikan bimbingan dan motivasi bagi meningkatkan keyakinan mereka sebelum bantuan modal disalurkan kepada mereka. Walau bagaimanapun berdasarkan pendekatan sedia ada, usahawan kebajikan disalurkan bantuan modal tanpa dibuat penilaian yang sistematik. Ini mungkin merupakan faktor yang menyumbang kepada kegagalan sesuatu perniagaan yang diceburi oleh usahawan kebajikan tersebut.

Menurut Roddin, Mukhtar, Esa, Warman, Mohamed, Mohamed Yusof (2010) pula, untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, seseorang perlu mengenalpasti potensi yang ada pada mereka dan disokong dengan faktor individu dan persekitaran agar mereka tahu kebolehan diri yang boleh dikembangkan melalui bidang keusahawanan disokong dengan latihan yang sesuai agar mereka mampu untuk membangunkan diri dan bersaing dengan usahawan lain sekitarnya. Kebiasaannya usahawan kebajikan hanya dirujuk ke agensi lain yang berkaitan untuk mendapatkan latihan. Menurut Roddin, et al., (2010) lagi, melalui penerapan pendidikan andragogi yang sesuai dalam modul latihan diharap mampu melahirkan seorang usahawan yang berjaya sama ada yang berpendidikan atau tidak.

Berdasarkan sorotan karya, tiada kajian khusus pernah dibuat terhadap pendekatan kebajikan produktif, sebaliknya terdapat beberapa kajian yang mempunyai kaitan dengan bidang ini. Walau bagaimanapun kebanyakan kajian tersebut tidak menfokuskan kepada usahawan kebajikan di bawah pendekatan kebajikan produktif. Faktor yang menentu kejayaan peserta juga mungkin berbeza dengan usahawan kebajikan. Sehubungan itu, diharapkan hasil kajian ini dapat mengenalpasti isu, masalah, cabaran serta faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan kebajikan di dalam perniagaan supaya penyelidik dapat mencadangkan penambahbaikan terhadap model sedia ada.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah diutarakan, kajian ini cuba mengenalpasti beberapa persoalan penting yang mungkin dialami oleh penerima bantuan bulanan yang terlibat dengan pendekatan kebajikan produktif di Kedah.

1. Adakah pendekatan kebajikan produktif telah menyumbang kepada prestasi usahawan kebajikan di Kedah?

2. Apakah masalah dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan kebajikan di dalam pendekatan kebajikan produktif?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi usahawan kebajikan di dalam pendekatan kebajikan produktif?

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dikenal pasti, penyelidik ingin mengkaji tentang program-program yang dilaksanakan di bawah pendekatan kebajikan produktif seperti program Bantuan Pakej Teman 1AZAM dan program Bantuan Geran Pelancaran di Kedah. Kajian ini cuba mengenalpasti sejauh mana kedua-dua program tersebut dalam membantu meningkatkan prestasi usahawan kebajikan sehingga mereka boleh berjaya. Selain itu penyelidik juga ingin mengenalpasti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi usahawan kebajikan di dalam pendekatan kebajikan produktif.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian yang ingin dicapai oleh penyelidik adalah untuk mengenalpasti sejauh mana pendekatan kebajikan produktif di Kedah di dalam membantu meningkatkan prestasi usahawan kebajikan supaya mereka boleh berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan bulanan JKM. Penyelidik juga ingin menganalisis apakah masalah yang dihadapi oleh usahawan kebajikan di dalam pendekatan kebajikan produktif. Selain itu penyelidik ingin menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan usahawan kebajikan di bawah pendekatan kebajikan produktif. Objektif khusus pula adalah seperti berikut:-

1. Menenal pasti adakah pendekatan kebajikan produktif dapat membantu meningkatkan prestasi usahawan kebajikan.
2. Menganalisis masalah dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan kebajikan di dalam pendekatan kebajikan produktif.

3. Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi usahawan kebajikan di dalam pendekatan kebajikan produktif.
4. Mencadangkan penambahbaikan terhadap model pendekatan kebajikan produktif.

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian yang telah dibina, penyelidik telah menyenaraikan lima hipotesis seperti berikut:-

Ho : Pendekatan kebajikan produktif tidak mempengaruhi peningkatan prestasi usahawan kebajikan.

Ha : Pendekatan kebajikan produktif mempengaruhi peningkatan prestasi usahawan kebajikan.

Ho : Tiada perhubungan yang signifikan di antara masalah dengan prestasi usahawan kebajikan.

Ha : Terdapat perhubungan yang signifikan di antara masalah dengan prestasi usahawan kebajikan.

Ho : Tiada perhubungan yang signifikan di antara faktor dalaman dengan prestasi usahawan kebajikan.

Ha : Terdapat perhubungan yang signifikan di antara faktor dalaman dengan prestasi usahawan kebajikan.

Ho : Tiada perhubungan yang signifikan di antara faktor organisasi dengan prestasi usahawan kebajikan.

Ha : Terdapat perhubungan yang signifikan di antara faktor organisasi dengan prestasi usahawan kebajikan.

Ho : Tiada perhubungan yang signifikan di antara faktor luaran dengan prestasi usahawan kebajikan.

Ha : Terdapat perhubungan yang signifikan di antara faktor luaran dengan prestasi usahawan kebajikan.

1.6 Signifikan Kajian

Kajian di dalam bidang kebajikan produktif masih baru di Malaysia khususnya berkaitan dengan keberkesanan program tersebut. Walaupun pendekatan kebajikan produktif telah diperkenalkan semenjak tahun 2009 yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kebergantungan penerima bantuan bulanan JKM namun penerima bantuan bulanan JKM sentiasa bertambah dari tahun ke tahun. Merujuk kepada Jadual 2, penerima bantuan bulanan JKM telah bertambah dari 331,611 kes pada tahun 2009 kepada 514,066 kes pada tahun 2012 dan melibatkan implikasi kewangan yang besar. Setakat ini, belum ada kajian atau penilaian dilakukan untuk melihat keberkesanan pendekatan kebajikan produktif. Diharapkan kajian ini dapat mengenalpasti sejauh mana sumbangan pendekatan tersebut dalam membantu meningkatkan pendapatan usahawan kebajikan sehingga mereka boleh berjaya dan berdikari.

Kajian ini dilaksanakan di Kedah memandangkan negeri ini mempunyai penyertaan tertinggi di dalam pendekatan kebajikan produktif. Berdasarkan Jadual 5, terdapat seramai 851 orang usahawan kebajikan yang menyertai pendekatan kebajikan produktif dari tahun 2009 hingga 2012. Walaupun kajian ini hanya dilaksanakan di Kedah, akan tetapi diharapkan hasil kajian masih boleh digeneralisasi kepada keseluruhan Malaysia memandangkan panduan pengurusannya adalah sama.

Hasil kajian juga diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak berkepentingan terutama JKM untuk mengenalpasti masalah dan keperluan yang dihadapi oleh usahawan kebajikan. JKM boleh memperkemarkan polisi melalui

modul pengurusan pendekatan kebajikan produktif dan menyusun aktiviti-aktiviti perkhidmatan sosial yang lebih berkesan terutama dari segi meningkatkan prestasi usahawan kebajikan. Sekiranya polisi yang diperkemaskan dapat meningkatkan prestasi pendekatan kebajikan produktif secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan penerima bantuan kepada bantuan bulanan, mengurangkan kadar kemiskinan dan mengurangkan implikasi kewangan kerajaan.

Penemuan kajian ini juga diharapkan dapat mengenalpasti kelemahan dan kekuatan yang terdapat pada usahawan kebajikan di dalam pendekatan kebajikan produktif. Berdasarkan penemuan tersebut mungkin boleh digunakan oleh pekerja sosial dan pembuat polisi untuk meningkatkan lagi kualiti kemahiran kerja sosial terutama untuk pekerja kes atau pekerja komuniti barisan hadapan. Modul pengurusan pendekatan kebajikan produktif yang telah diperkemaskan dapat memberi panduan yang lebih jelas kepada pekerja sosial di Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia supaya dapat mempraktikkan kemahiran kerja sosial dengan lebih berkesan. Menurut *National Association of Social Workers* (1982) terdapat sepuluh kemahiran kerja sosial berbentuk teknikal iaitu kemahiran mendengar dan memahami klien; kemahiran mentafsir informasi; kemahiran mengekalkan hubungan profesional dengan klien; kemahiran memerhati dan mentafsir tingkahlaku verbal dan bukan verbal klien; kemahiran menyelesaikan masalah dan membina kepercayaan klien; kemahiran berbincang isu-isu sensitif dan emosional; kemahiran menyediakan penyelesaian yang inovatif; kemahiran memberhentikan hubungan yang diwujudkan dengan klien; kemahiran mentafsir penemuan-penemuan kajian; dan kemahiran menjadi orang tengah dalam penyelesaian konflik.

Selain daripada kemahiran-kemahiran yang berbentuk teknikal, peranan pekerja sosial semasa menjalankan intervensi juga merupakan kemahiran yang perlu

dikuasai untuk memberi perkhidmatan yang berkesan kepada klien. Di dalam pengurusan kerja sosial melibatkan komuniti terdapat beberapa peranan yang perlu dilakukan oleh pekerja sosial iaitu peranan sebagai penggerak, fasilitator, pendorong, *enabler*, pendidik, pemerhati dan perancang. Namun begitu, asas pekerja sosial perlulah menggabungkan kemahiran, nilai dan pengetahuan. Gabungan ketiga-tiga unsur ini merupakan asas penting kepada seorang pekerja sosial untuk membentuk kerangka praktis yang akan dilaksanakan di dalam kerja komuniti (Amin & Mohd Salim 2012).

1.7 Skop Kajian

Kajian ini akan dibuat terhadap responden yang terdiri daripada usahawan kebajikan di bawah pendekatan kebajikan produktif Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah iaitu melibatkan penerima bantuan Geran Pelancaran dan Bantuan Pakej Teman 1AZAM. Rasional pemilihan kumpulan sasar ini sebagai responden kajian adalah kerana mereka merupakan penerima bantuan bulanan yang produktif iaitu masih sihat fizikal dan mental yang telah menerima bantuan modal untuk menjalankan sesuatu perniagaan atau perusahaan.

Kajian ini dilaksanakan di Kedah kerana negeri ini mempunyai penyertaan yang ramai di dalam program di bawah pendekatan kebajikan produktif. Berdasarkan statistik JKM tahun 2011 didapati seramai 627 orang usahawan kebajikan telah terlibat dengan program kebajikan produktif pada tahun 2011 di Kedah. Jumlah penyertaan yang ramai di dalam program kebajikan produktif di Kedah boleh membantu penyelidik untuk mendapat responden yang mencukupi. Walaupun kajian hanya dijalankan di Kedah tetapi hasil kajian boleh dijadikan rujukan kepada negeri-negeri lain di Malaysia memandangkan panduan pengurusannya adalah sama.

Responden yang dipilih pula adalah terdiri daripada usahawan kebajikan yang telah menerima bantuan kebajikan produktif iaitu Bantuan Geran Pelancaran (BGP) dan Bantuan Teman 1Azam pada tahun 2011. Rasional pemilihan usahawan kebajikan yang menerima bantuan pada tahun berkenaan adalah kerana supaya penyelidik dapat mengenalpasti keberkesanan program selepas mereka menerima bantuan modal selama dua tahun. Ini adalah kerana usahawan kebajikan perlu dipantau selama dua tahun dalam usaha membangunkan mereka untuk berjaya dalam perniagaan yang diceburi serta keluar dari senarai kemiskinan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011).

Kajian ini menfokuskan kepada beberapa elemen utama iaitu keberkesanan program, masalah dan cabaran, faktor dalaman, faktor organisasi dan faktor luaran. Rasional elemen-elemen tersebut dijadikan fokus utama kerana ianya banyak berkaitan dengan pembangunan modal insan yang boleh menyumbang kepada peningkatan komitmen usahawan kebajikan di dalam program keusahawanan yang mereka jalankan sehingga boleh berjaya. Menurut Ismail (1996) pembangunan modal insan ditakrifkan sebagai ciri-ciri yang dimiliki oleh pekerja yang menyebabkan mereka lebih produktif di dalam usaha untuk memperbaiki kehidupan mereka.

BAB DUA

SOROTAN KARYA

2.1 Apa itu Kebajikan Produktif?

Kebajikan produktif adalah suatu pendekatan bagi membantu penerima bantuan kebajikan ke arah hidup berdikari dan meneruskan kelangsungan hidup supaya tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya dengan memperkasakan (empowerment) klien bagi meneruskan kehidupannya sendiri serta menggiatkan program-program ke arah pembangunan modal insan. Pendekatan ini mengambil kira aspek latihan kemahiran yang sesuai dengan keupayaannya, penglibatan klien dalam pekerjaan adalah secara berterusan dan klien tidak kembali kepada bantuan kebajikan untuk saraan hidup (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). Untuk memastikan pendekatan kebajikan produktif mencapai objektif secara optimum tidak seharusnya bergantung kepada aspek tersebut sahaja. Pembangunan modal insan di dalam pendekatan kebajikan produktif seharusnya dilihat secara menyeluruh.

Borham, Mohd Zainal Abidin, Ahmad, dan Abdul Razak (2011) menyatakan bahawa aspek pembangunan dari segi material dan fizikal seperti modal dan dana selalu dijadikan aspek ketara di dalam pembangunan sesebuah negara manakala aspek pembangunan modal insan seperti sifat, intelektual, nilai, potensi dan sebagainya adalah aspek yang tidak ketara. Bagi memperkasakan usahawan kebajikan supaya boleh berdikari tidak seharusnya bergantung kepada bantuan modal kewangan semata-mata. Usahawan kebajikan perlu dibantu dengan meneroka dan meningkatkan modal insan supaya mereka mempunyai keupayaan yang optimum. Ini menunjukkan di dalam proses memperkasakan usahawan kebajikan, memerlukan program pembangunan modal insan yang menyeluruh.

Modal insan adalah meliputi pelbagai aspek yang menyeluruh bukan sahaja merangkumi disiplin ilmu dan kemahiran malah ianya meliputi aspek pembangunan diri, minda, spiritual, peribadi dan etika moral. Dengan kata lain, pembangunan modal insan memfokuskan kepada sifat kemanusiaan atau keinsanan yang terjalin secara cara hidup dan budaya menerusi falsafah dan prinsip hidup, ajaran agama, etika dan moral (Borham et al., 2011). Sehubungan itu program pembangunan modal insan di dalam pendekatan kebajikan produktif kepada golongan miskin memerlukan strategi yang lengkap untuk menjamin kejayaan (Abd Rahman & Ahmad, 2011).

Menurut Osmani (2001), memperkasa atau *empowerment* kepada golongan miskin adalah bermaksud memindahkan kuasa dari pihak atasan kepada golongan ini supaya mereka boleh meningkatkan modal insan untuk menjadi usahawan yang berjaya. Menurut Osmani (2001) lagi, terdapat dua elemen yang penting di dalam proses memperkasa. Pertama adalah mobilisasi sosial. Oleh kerana ketidakstabilan ekonomi dan kurangnya keyakinan diri, golongan miskin tidak sepatutnya dibiarkan untuk menguruskan program usahawan secara bersendirian. Mereka sepatutnya mendapat pertolongan dan pemantauan dari pihak luar yang berkaitan. Adalah sukar untuk melaksanakan mobilisasi sosial tanpa agen perubahan. Keduanya, memandangkan golongan miskin ini telah lama mengalami kemiskinan, adalah sukar bagi mereka untuk menjadi usahawan yang efektif walaupun dibantu oleh proses mobilisasi sosial. Proses mobilisasi sosial perlu disertakan dengan penilaian untuk mengeluarkan mereka dari garis kemiskinan.

2.2 Pendekatan Kebajikan Produktif di Malaysia

Pendekatan kebajikan produktif telah mula diwar-warkan oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada akhir tahun 2009. Rentetan itu bermula pada awal tahun 2010, jawatankuasa

khas yang diketuai oleh Timbalan Menteri KPWKM pada waktu itu telah memberi fokus dalam setiap perjumpaan dan perbincangan ke arah pengwujudan konsep dan pendekatan kebajikan produktif yang akan diguna pakai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011).


Program 1AZAM (Akhir Zaman Miskin) mula diperkenalkan oleh kerajaan pada Januari 2010 sebagai salah satu program di bawah pendekatan kebajikan produktif. Program ini bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang dikategorikan sebagai miskin tegar iaitu isi rumah berpendapatan bulanan RM460 ke bawah dan miskin berpendapatan RM760 ke bawah. Menurut Patmawati, (2008) bagi golongan miskin yang masih mempunyai fizikal dan mental dan mampu melakukan pekerjaan, mereka ini seharusnya diberi bantuan yang berbentuk produktif seperti bantuan keusahawanan bagi membolehkan mereka meningkatkan pendapatan sehingga boleh keluar dari kemiskinan.

Program ini membolehkan golongan ini menjana pendapatan melalui aktiviti ekonomi seperti perniagaan, jahitan, ternakan dan pertanian secara kecil-kecilan di bawah empat jenis bidang iaitu AZAM Kerja, AZAM Niaga, AZAM Khidmat dan AZAM Tani. Berbanding bantuan kebajikan lain, 1AZAM menjurus kepada kebajikan produktif iaitu golongan miskin tegar dan miskin yang produktif akan diberi bantuan dalam bentuk barangan, kemahiran, latihan, motivasi dan kursus pembangunan minda. Dalam erti kata lain, mereka dilatih untuk berdikari tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2011). Persoalannya adalah sejauh manakah pendekatan ini boleh mendayaupayakan kumpulan sasar untuk berdikari.

Menurut Roddin et al., (2010), pengetahuan dan latihan adalah sangat penting untuk menjadi usahawan yang berjaya. Walau bagaimanapun menurut Borham et al.,

(2011) pembangunan modal insan bukan sahaja merangkumi disiplin ilmu dan kemahiran malah ianya mesti dilihat dari skop yang lebih menyeluruh dan holistik termasuk aspek pembangunan diri, minda, spiritual, peribadi dan etika moral. Menurut Mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi di dalam Perutusan Hari Pekerja 2007, menyatakan bahawa negara memerlukan pekerja-pekerja terlatih, berkemahiran dan produktif dalam berbagai bidang. Keperluan ini semakin meningkat selaras dengan peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Tenaga mahir ini juga perlu dilengkapi dengan jati diri tinggi yang penuh dengan sifat-sifat jujur, amanah, berwawasan demi mengutamakan kualiti pekerjaan (Pejabat Perdana Menteri, 2007).

Bagi mengatasi fenomena kebergantungan klien terhadap bantuan bulanan, JKM telah mengenalpasti *exit policy* dengan memperkenalkan pendekatan kebajikan produktif. Melalui pendekatan ini JKM menyediakan satu perkhidmatan berbentuk bantuan modal perniagaan kepada penerima bantuan bulanan yang sesuai bagi mengurangkan sindrom kebergantungan masyarakat kepada bantuan kerajaan semata-mata di samping untuk mencapai matlamat jabatan ke arah menjadikan perkhidmatan bantuan untuk tempoh tidak melebihi dua tahun. JKM juga telah memperkenalkan satu model sebagai panduan pengurusan pendekatan kebajikan produktif seperti Rajah 1 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011).



Rajah 1: Model Pendekatan Kebajikan Produktif di Malaysia

Pelaksanaan pendekatan kebajikan produktif terbahagi kepada empat peringkat iaitu peringkat saringan, peringkat penempatan dan intervensi, peringkat pemantauan dan seliaan dan akhir sekali peringkat penamatan. Melalui pendekatan ini usahawan kebajikan akan diberikan program latihan dan motivasi sebelum bantuan modal perniagaan disalurkan. Ianya diikuti dengan pelaksanaan program pemantauan dan penilaian. Walau bagaimanapun model ini tidak menekankan mengenai latihan lanjutan selepas menerima bantuan modal serta tidak menjelaskan mengenai proses bimbingan secara berterusan. Model ini juga tidak melihat skop yang lebih luas meliputi persekitaran yang boleh mempengaruhi kejayaan usahawan kebajikan tersebut tersebut seperti keluarga, rakan, sosial, ekonomi dan politik.

Walaupun Malaysia telah memperkenalkan pendekatan kebajikan produktif sejak tahun 2009, belum ada kajian dilakukan untuk mengenalpasti keberkesanan